232-233 Pengurusan Sistem Pembayaran
233-234 Mengurangkan Risiko dalam Sistem Pembayaran
234-235 Menguruskan Kestabilan dan Keyakinan Terhadap Sistem Pembayaran
235-237 Meningkatkan Persaingan dan Kecekapan Pembayaran
237-239 Pemindahan kepada Pembayaran Secara Elektronik
239-240 Melangkah Maju
240-244 Prestasi Sistem Pembayaran

Sistem Pembayaran dan Penyelesaian

Sistem Pembayaran dan Penyelesaian

PENGURUSAN SISTEM PEMBAYARAN

Untuk menggalakkan sistem pembayaran yang efisien, boleh dipercayai dan selamat, dan dapat menyumbang ke arah kestabilan kewangan dan perjalanan pasaran kewangan yang berkesan, teras dasar utama pada tahun 2005 terus tertumpu pada mempertingkatkan keselamatan dan pengurangan risiko dalam sistem pembayaran, serta menggalakkan perpindahan pembayaran dari sistem yang berasaskan kertas kepada pembayaran elektronik. Sehubungan dengan ini, Bank Negara Malaysia telah meneruskan usaha pembangunan dan penambahbaikan infrastruktur sistem pembayaran utama di Malaysia dengan memastikan keteguhan dan pengurangan risiko sistemik yang berkesan dalam sistem pembayaran.

Teras dasar utama pada tahun 2005 terus tertumpu pada mempertingkatkan keselamatan dan pengurangan risiko dalam sistem pembayaran, serta menggalakkan perpindahan pembayaran dari sistem yang berasaskan kertas kepada pembayaran elektronik.

Pada tahun 2005, ujian berkala secara langsung dijalankan bersama-sama industri perbankan untuk memastikan keteguhan sistem pembayaran yang dikendalikan oleh Bank Negara Malaysia, dan juga keteguhan pelan kesinambungan operasi. Bank Negara Malaysia juga telah membangunkan sistem pembayaran semasa pembayaran atau *payment versus payment (PvP)* sebagai langkah praemptif untuk mengurangkan risiko sistemik dalam penjelasan pertukaran asing antara bank.

Dalam bidang sistem dan instrumen pembayaran runcit, tumpuan Bank Negara Malaysia adalah untuk memastikan keyakinan pengguna terus kekal bagi melancarkan dan memudahkan urusan perdagangan. Oleh itu, Bank Negara Malaysia terus memainkan peranan sebagai pemangkin dalam membangunkan infrastruktur pembayaran runcit dan memastikan kerjasama seluruh industri untuk memantapkan piawaian keselamatan pembayaran. Bank Negara Malaysia juga memantau perpindahan sepenuhnya infrastruktur kad kredit kepada piawaian cip Europay-MasterCard-Visa (EMV) dengan terlaksananya penukaran kepada alat penerima kad yang mematuhi piawaian EMV pada tahun 2005. Dengan itu, Malaysia menjadi negara pertama di rantau Asia Pasifik yang telah berpindah sepenuhnya kepada persekitaran cip, lantas meningkatkan keyakinan pengguna, pelancong dan peniaga terhadap penggunaan kad pembayaran di negara ini.

Bagi memastikan keselamatan dan keyakinan terhadap urus niaga perbankan Internet yang disediakan oleh institusi perbankan, langkah-langkah keselamatan tambahan sedang dilaksanakan untuk membanteras penipuan dalam talian, termasuk pencurian identiti. Sebagai langkah awalan untuk membanteras ancaman pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan yang dijalankan melalui sistem pembayaran, langkah-langkah untuk menggalakkan penggunaan saluran pengiriman wang secara rasmi akan diperkenalkan untuk menghalang penggunaan sistem pembayaran tidak rasmi. Oleh itu, institusi bukan perbankan yang layak akan dibenar untuk menawarkan perkhidmatan pengiriman wang, manakala institusi perbankan boleh melantik ejen pemungut untuk memudahkan urus niaga pengiriman wang.

Tumpuan kedua adalah untuk meningkatkan persaingan dan kecekapan pembayaran. Selaras dengan Pelan Induk Sektor Kewangan untuk meningkatkan persaingan dan kecekapan sistem pembayaran, dasar yang hanya membenarkan bank untuk menawarkan perkhidmatan pembayaran runcit telah diliberalisasikan. Landskap pembayaran terus berubah apabila institusi perbankan dan bukan bank memperkenalkan perkhidmatan pembayaran baru yang menggunakan teknologi moden, seperti Internet, kad pintar dan telefon bimbit. Sementara perkembangan ini menggalakkan persaingan dan kecekapan, ia juga memperkenalkan risiko baru dalam sistem pembayaran. Ini merupakan cabaran baru kepada Bank Negara Malaysia dalam pengawasan sistem pembayaran bagi memastikan garis panduan berhemat akan dapat menangani risiko Internet dengan berkesan, sekali gus menggalakkan inovasi tanpa merencatkan potensi pasaran.

Tumpuan ketiga pada tahun 2005 ialah menggalakkan perpindahan kepada pembayaran elektronik yang cekap dari segi kos. Dengan perpindahan kad ATM kepada infrastruktur cip, aplikasi pelbagai seperti aplikasi debit

dan dompet elektronik dimasukkan ke dalam kad ATM untuk memudahkan urus niaga di premis peniaga. Purata urus niaga kad debit telah meningkat pada kadar 24.6% setahun sepanjang tiga tahun yang lepas. Walau bagaimanapun, nilai urus niaga sebanyak RM240.1 juta masih kecil berbanding dengan nilai perbelanjaan kad kredit sebanyak RM40.9 bilion pada tahun 2005. Namun begitu, jumlah kad debit telah meningkat dengan ketara, khususnya dengan pertambahan bilangan alat penerima kad dan peniaga yang menerima urus niaga kad debit tempatan (e-Debit) antara bank dan juga kerana bertambahnya institusi kewangan yang turut serta sebagai bank pemeroleh. Pertumbuhan yang nyata juga dapat dilihat pada penggunaan sistem GIRO antara bank (IBG) dan perkhidmatan perbankan Internet. Sistem IBG mencatat kadar pertumbuhan yang tinggi, iaitu 162.2% setahun, manakala urus niaga perbankan Internet meningkat 80.8% setahun sepanjang tiga tahun yang lepas. Walaupun terdapat pertumbuhan yang memberangsangkan dalam pembayaran elektronik, sistem pembayaran di Malaysia kebanyakannya masih lagi berasaskan kertas, dengan pembayaran menggunakan cek masih mencakupi 95.1% daripada jumlah nilai pembayaran bukan tunai pada tahun 2005.

Dalam menguruskan peralihan kepada sistem pembayaran yang berasaskan elektronik, Bank Negara Malaysia terus bekerja rapat dengan institusi perbankan dan pengendali sistem pembayaran runcit utama, Malaysian Electronic Payment System (1997) Sdn. Bhd. (MEPS), untuk membangunkan dan memperbaiki infrastruktur sistem pembayaran negara bagi membolehkan perkhidmatan yang lebih cekap dan menepati masa. Pasukan Kajian Semula IBG yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia telah mengenal pasti beberapa perkara dan isu yang boleh diperbaiki. MEPS, selaku pengendali sistem dan institusi perbankan harus memberikan perhatian untuk menjadikan sistem ini lebih cekap. Ini akan membolehkan institusi perbankan memberi perkhidmatan yang lebih bermutu kepada para pelanggan, serta mendapat manfaat yang nyata dari segi pengurangan kos dan peningkatan hasil dan keuntungan. Pada tahun 2005, Bank Negara Malaysia juga telah mengambil beberapa langkah untuk memudahkan penerimapakaian pembayaran elektronik dalam sektor Kerajaan, menyelesaikan isu industri berhubung dengan penerimaan kad kredit di stesen minyak dan menganjurkan forum dan pameran sistem pembayaran yang pertama di negara ini. Kesemua usaha ini dijalankan untuk menggalakkan penggunaan pembayaran elektronik dengan lebih meluas untuk meningkatkan kecekapan pembayaran dan berupaya untuk mencapai ekonomi ikut bidangan.

Memandangkan pelaburan yang besar telah dibuat untuk mewujudkan dan meningkatkan saluran penyampaian elektronik dan sistem pembayaran pada tahun-tahun kebelakangan ini, tumpuan kini adalah kepada meluaskan laluan atau akses, meningkatkan taraf perkhidmatan dan menggalakkan penggunaannya secara giat untuk meraih manfaat ekonomi ikut bidangan dan merealisasikan peningkatan dalam kecekapan. Sebagai negara yang masih tinggi dalam tahap penggunaan cek dan wang tunai, Malaysia berpotensi besar untuk menjimatkan kos jika cara pembayaran berubah kepada pembayaran berteknologi elektronik.

Bank Negara Malaysia memikul tanggungjawab penting untuk meminimumkan risiko sistemik dalam sistem pembayaran, terutama bagi pembayaran antara bank yang bernilai tinggi.

MENGURANGKAN RISIKO DALAM SISTEM PEMBAYARAN

Menggalakan sistem pembayaran yang selamat dan berkesan diakui sebagai antara tunggak utama Bank Negara Malaysia, di samping menjaga kestabilan kewangan dan monetari. Dalam hal ini, Bank Negara Malaysia memikul tanggungjawab penting untuk meminimumkan risiko sistemik dalam sistem pembayaran, terutamanya bagi pembayaran antara bank yang bernilai tinggi kerana kesan daripada urus niaga pembayaran yang gagal boleh turut menjejaskan institusi perbankan yang lain, lalu menjurus kepada krisis sistemik. Sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk menggalakkan sistem pembayaran yang efektif, selamat dan cekap, Bank Negara Malaysia kini melaksanakan infrastruktur PvP bagi penyelesaian urus niaga pertukaran asing antara bank.

Risiko Penyelesaian Pertukaran Asing

Mekanisme PvP akan terbentuk melalui usaha sama dengan Hong Kong Monetary Authority, untuk memudahkan penyelesaian serentak dalam urus niaga pertukaran asing antara bank bagi dolar AS dan ringgit pada waktu urus niaga di Malaysia. Melalui mekanisme ini, bahagian ringgit dalam urus niaga akan diselesaikan melalui RENTAS, manakala bahagian dolar AS akan diselesaikan secara serentak melalui sistem USD CHATS

di Hong Kong China. Mekanisme PvP ini akan membolehkan institusi kewangan mengurangkan risiko penyelesaian yang dikaitkan dengan urus niaga pertukaran asing.

MENGURUSKAN KESTABILAN DAN KEYAKINAN TERHADAP SISTEM PEMBAYARAN

Pada tahun 2005, Bank Negara Malaysia sebagai pengendali sistem RENTAS dan SPICK bersama ahli institusinya kerap menjalankan ujian secara lansung bagi memastikan Perancangan Pemulihan Bencana (DRP) terus beroperasi dan berkesan. Menerusi peranan pengawasannya, Bank Negara Malaysia menyelia dan memantau pengendali pembayaran utama dan pengeluar instrumen pembayaran yang dilantik untuk memastikan mereka terus beroperasi dalam keadaan yang baik. Pemantauan di luar premis juga dilengkapi oleh pemeriksaan di premis untuk mengenal pasti isu yang perlu ditangani bagi memastikan kemapanan operasi. Bank Negara Malaysia juga terus memainkan peranannya sebagai fasilitator dalam menyelaraskan usaha industri untuk meningkatkan infrastruktur pembayaran runcit dan juga menangani ancaman keselamatan yang lazim di seluruh industri. Langkah-langkah ini telah diambil untuk memastikan sistem pembayaran utama boleh terus dipercayai dan juga untuk mengekalkan keyakinan dan kepercayaan pengguna terhadap instrumen pembayaran.

Langkah-langkah telah diambil untuk memastikan sistem pembayaran utama boleh terus dipercayai dan juga untuk mengekalkan keyakinan dan kepercayaan pengguna terhadap instrumen pembayaran.

Perancangan Pemulihan Bencana

Bank Negara Malaysia menguruskan risiko bagi sistem RENTAS, yang diukur bersandarkan prinsip yang diterima pakai di peringkat antarabangsa oleh Bank for International Settlements iaitu Prinsip Teras Bagi Sistem Pembayaran yang Berkepentingan Sistemik (*Core Principles for Systemically Important Payment Systems)* yang menyediakan piawaian minimum meliputi risiko undang-undang, kewangan dan operasi di samping kecekapan, kriteria akses dan tadbir urus. Dalam hal ini, Bank Negara Malaysia sentiasa menambah baik operasi dan amalannya untuk menepati piawaian tersebut, yang turut merangkumi kesinambungan perniagaan. Untuk menjamin kestabilan sistem pembayaran dan memastikan ketersediaan tanpa gangguan sistem pembayaran, Bank Negara Malaysia beroperasi melalui prosedur luar jangka di pusat pemulihan bencananya (DRC). Ujian secara langsung yang dijadualkan setiap bulan dijalankan dari DRC bagi sistem RENTAS dan SPICK. Bank Negara Malaysia juga memantau sistem luar jangka ahli institusinya dan menggalakkan mereka supaya mengkaji semula dan memantapkan pengaturan mereka bagi memastikan DRC di luar premis bagi sistem kritikal masing-masing telah tersedia dan boleh beroperasi. Institusi ahli dikehendaki menjalankan ujian DRC masing-masing setiap suku tahun. Di samping itu, ujian secara langsung bagi seluruh industri antara DRC ahli institusi dengan DRC Bank Negara Malaysia berjaya dijalankan pada bulan Jun 2005.

Pelan Tindakan Terhadap Insiden dan Keperluan Keselamatan Perbankan Internet

Penubuhan Pasukan Petugas Perbankan Internet (IBTF) oleh Bank Negara Malaysia pada bulan Oktober 2005 telah berjaya merumuskan Pelan Tindakan terhadap Insiden (IRP) dan semakan kepada Garis Panduan Minimum Pemberian Perkhidmatan Perbankan Internet oleh Institusi Perbankan Berlesen. IBTF dianggotai oleh wakil dari Bank Negara Malaysia, 15 institusi perbankan, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Pusat Keselamatan dan Tindak Balas Kecemasan ICT Kebangsaan, Polis Diraja Malaysia dan TMNet Sdn. Bhd. IBTF ditubuhkan untuk memenuhi keperluan membolehkan jangkaan terhadap ancaman penipuan perbankan Internet, khususnya bagi pindahan dana tanpa kebenaran melalui kaedah *phishing*. IRP yang dilaksanakan pada 1 September 2005 menyediakan aliran proses yang berstruktur dan berkesan supaya institusi perbankan dan pihak berkuasa yang berkenaan boleh bertindak kepada kejadian genting dengan segera. Ia juga memudahkan perkongsian maklumat bagi kejadian yang berkaitan dengan penipuan perbankan Internet.

Menyedari betapa pentingnya memelihara keyakinan pengguna terhadap perkhidmatan perbankan Internet yang merupakan satu faktor yang amat penting dalam menggalakkan penggunaan saluran dan pembayaran secara elektronik, Bank Negara Malaysia akan mengeluarkan Garis Panduan Minimum bagi Pemberian Perkhidmatan Perbankan Internet oleh Institusi Perbankan Berlesen yang akan disemak pada tahun 2006. Ciri utama semakan dibuat berdasarkan kepada keperluan penentusahan yang baru, berserta dengan pendidikan dan langkah-langkah perlindungan pengguna yang lebih baik.

Ini merangkumi keperluan penentusahan dua faktor bagi urus niaga yang berisiko dan menyediakan mekanisme bagi mengesan kecurian identiti.

Penyempurnaan Usaha Pemindahan Cip
Usaha perpindahan infrastruktur ATM dan kad kredit yang diterajui Bank Negara Malaysia bersama industri perbankan disempurnakan masing-masing pada bulan Julai 2004 dan Disember 2005. Dalam melaksanakan program perpindahan di seluruh negara, kerjasama antara pihak berkepentingan yang berkenaan dan mekanisme insentif industri telah memainkan peranan penting dalam memastikan usaha ini disempurnakan secara selaras dan menepati masa.

Dalam usaha perpindahan cip EMV bagi kad kredit, industri perbankan telah melaksanakan dasar peralihan liabiliti domestik pada 1 Januari 2005 dan menamatkan penerimaan urus niaga jalur magnetik bagi kad tempatan pada 3 Mei 2005. Mengikut dasar peralihan liabiliti, institusi yang tidak memenuhi keperluan cip EMV akan menanggung sebarang liabiliti urus niaga palsu. Memandangkan kejadian penipuan kad kredit di pam-pam layan diri stesen minyak semakin meningkat, penamatan penerimaan urus niaga jalur magnetik telah dilaksanakan pada 31 Disember 2004. Untuk mengelakkan percubaan penipuan menggunakan kad berjalur magnetik, institusi perbankan tidak lagi menerima urus niaga 'sandaran' (menggunakan data jalur magnetik apabila cip rosak) bagi urus niaga kad kredit tempatan mulai 31 Disember 2005. Langkah-langkah ini berkesan dalam mengurangkan pemalsuan kad menggunakan maklumat yang diperoleh daripada kad kredit berjalur magnetik.

Sebagai melengkapkan usaha perpindahan cip dan mewujudkan persekitaran kad kredit yang lebih selamat, institusi kad kredit dikehendaki memastikan maklumat kad kredit yang dipancarkan menerusi talian telekomunikasi dipersulitkan atau *encrypted* untuk menghalang pencurian maklumat melalui pemasangan alat pengesan dalam talian atau *wire tapping*. Pada akhir tahun 2005, hampir semua institusi kewangan pemeroleh telah melaksanakan keperluan *line encryption.*

MENINGKATKAN PERSAINGAN DAN KECEKAPAN PEMBAYARAN

Bank Negara Malaysia terus bekerjasama dengan industri perbankan bagi menambah baik kecekapan operasi, fungsi dan taraf perkhidmatan dalam sistem pembayaran dan penjelasan runcit dan borong. Peningkatan infrastruktur dalam sistem RENTAS dan SPICK terus tertumpu pada penambahbaikan

Bank Negara Malaysia terus bekerjasama dengan industri perbankan bagi menambah baik kecekapan operasi, fungsi dan taraf perkhidmatan dalam sistem pembayaran dan penjelasan runcit dan borong.

kecekapan pasaran dan penjimatan kos operasi. Pada tahun 2005, beberapa ahli baru menyertai sistem RENTAS dan IBG, yang menyumbang ke arah akses yang lebih meluas dan manfaat ekonomi ikut bidangan. Perubahan dasar telah dibuat untuk meliberalisasikan lagi industri pembayaran, yang seterusnya telah menarik lebih banyak penyertaan oleh institusi bukan perbankan. Bank Negara Malaysia terus memudahkan kerjasama antara pengendali rangkaian ATM tempatan dengan rakan niaga asingnya untuk memudahkan perkhidmatan ATM dan pembayaran merentas sempadan.

Dasar Perkhidmatan Pengiriman Wang dan Wang Elektronik
Dalam usaha penambahbaikan perkhidmatan pengiriman wang di negara ini, Bank Negara Malaysia meneruskan pendekatan serampang dua mata, yang melibatkan peluasan akses kepada saluran pengiriman wang secara rasmi dan menggalakkan institusi perbankan untuk menjadikan perkhidmatan pengiriman wangnya lebih mudah diakses, lebih senang dan lebih murah. Untuk mencapai usaha itu, Bank Negara Malaysia meliberalisasikan dasarnya untuk membolehkan institusi bukan perbankan yang layak untuk menyediakan perkhidmatan pengiriman wang dan institusi perbankan untuk melantik ejen pemungut sebagai penerima wang daripada pengirim bagi memudahkan urus niaga pengiriman wang.

Selain persekitaran yang liberal bagi perkhidmatan pengiriman wang, Bank Negara Malaysia juga telah membenarkan lebih banyak institusi bukan perbankan untuk memasuki pasaran wang elektronik. Ini adalah selaras dengan perkembangan teknologi kad pintar dan telekomunikasi mudah alih, dan juga minat institusi bukan perbankan yang semakin bertambah untuk menawarkan produk wang elektronik. Perkembangan ini akan menyaksikan perpindahan kepada pembayaran elektronik yang lebih meluas dan menyumbang ke arah pengurangan kos menjalankan perniagaan di Malaysia.

Sistem GIRO Antara Bank (IBG)
Sistem IBG yang dikendalikan oleh MEPS membolehkan pindahan kredit bernilai sehingga RM100,000 dibuat bagi setiap urus niaga. Pasukan Kajian Semula IBG telah ditubuhkan pada bulan November 2004 oleh Bank Negara Malaysia, dengan wakil daripada Bank Negara Malaysia, institusi perbankan dan agensi Kerajaan yang berkenaan, yang ditugaskan untuk mengkaji semula perkhidmatan IBG bagi mengenal pasti cabaran dan isu utama yang perlu diselesaikan bagi memenuhi keperluan pengguna dan menambah penggunaannya. Pasukan ini dibubarkan pada bulan Ogos 2005 selepas menyempurnakan tugasnya. Langkah-langkah yang disarankan oleh pasukan ini termasuklah penyelarasan tempoh kredit dan rujukan pembayaran, memperkenalkan tempat akses yang mudah seperti ATM untuk mengendalikan urus niaga IBG, penambahbaikan prosedur pengesahan akaun dan menjalankan kempen kesedaran dan promosi yang bersepadu. Pemilik sistem ini, MEPS, bersama-sama institusi perbankan akan melaksanakan langkah-langkah tersebut di samping merumuskan strategi dan hala tuju khusus untuk merangsang lagi perluasan penggunaan IBG.

Penghubung Rangkaian ATM Serantau
MEPS telah mewujudkan rangkaian serantau dengan PT Artajasa Pembayaran Elektronis (Artajasa), rakan niaganya di Indonesia, pada bulan Julai 2005 untuk memudahkan pengeluaran wang tunai merentas sempadan melalui ATM di Malaysia dan Indonesia. Kemudahan ini membolehkan pelanggan bank yang menjadi ahli MEPS mengeluarkan rupiah dengan menggunakan kad ATMnya di ATM bank ahli Artajasa di Indonesia. Di samping itu, pelanggan bank ahli Artajasa boleh membuat pengeluaran wang tunai dalam ringgit dari rangkaian ATM MEPS. Pada akhir tahun 2005, hubungan serantau ini meliputi enam institusi perbankan Indonesia dengan lebih 300 ATM di Indonesia dan empat institusi perbankan Malaysia dengan lebih 2,000 ATM di Malaysia. Institusi perbankan dan institusi kewangan pembangunan di Malaysia yang selebihnya dijangka akan menyertai hubungan serantau ini secara berperingkat pada tahun 2006. MEPS juga akan menjalinkan hubungan ATM serantau dengan Network for Electronic Transfers (Singapore) Pte. Ltd. pada tahun 2006 untuk memudahkan pengeluaran wang tunai merentas sempadan melalui ATM antara Malaysia dengan Singapura. Hubungan ATM ini juga akan merintis jalan bagi perkhidmatan masa depan, seperti pindahan dana merentas sempadan melalui rangkaian ATM.

Pemangkasan Cek
Sistem penjelasan cek SPICK kekal sebagai sistem pembayaran runcit yang terbesar di negara ini. Peningkatan infrastruktur terus tertumpu pada peningkatan kecekapan pasaran dan penjimatan kos operasi melalui automasi dan proses secara terus. Menyedari adanya inersia yang tinggi dalam penggunaan cek, Bank Negara Malaysia akan melaksanakan sistem pemangkasan cek atau *cheque truncation system* (CTS) yang bertujuan untuk mengurangkan kos pengangkutan dan kos pekerja yang berkait dengan pengendalian cek secara fizikal dalam proses penjelasannya. CTS akan memanfaatkan infrastruktur pengimejan yang sedia ada dan akan membuka peluang bagi institusi perbankan merasionalisasikan operasi pejabat pemprosesan atau *back office* masing-masing supaya dapat meraih penjimatan kos apabila mengautomasikan operasi pemprosesan cek mereka.

Perdagangan Tanpa Skrip Instrumen Perdagangan dalam RENTAS
RENTAS, sistem pembayaran borong bagi dana dan sekuriti tanpa skrip masa nyata, terus berfungsi sebagai tulang belakang infrastruktur sistem pembayaran di Malaysia. Dalam meningkatkan kecekapan urus niaga pasaran kewangan, kerja diteruskan untuk mempersiap RENTAS bagi perdagangan dan penyelesaian instrumen perdagangan *(commercial papers* atau CPs) tanpa skrip. Pemasukan CPs ke dalam RENTAS akan membolehkan perdagangan dan penjelasan CPs tanpa skrip dijalankan dalam masa nyata mengikut asas serahan semasa pembayaran atau *delivery versus payment*, seterusya meningkatkan kecekapan dan menghapuskan risiko penjelasan.

Ahli Baru RENTAS dan Sistem GIRO Antara Bank
Sejajar dengan dasar akses Bank Negara Malaysia yang telah dipinda, tiga lagi peserta pasaran kewangan utama diterima untuk menganggotai RENTAS pada tahun 2005, yang menyaksikan ahlinya bertambah kepada 56. Ahli baru ini ialah Bank Simpanan Nasional, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Bagi sistem IBG pula, tiga bank asing yang diperbadankan di Malaysia dan satu institusi kewangan pembangunan telah menjadi ahli IBG pada tahun 2005, seterusnya menambahkan bilangan peserta IBG kepada 16. Walau bagaimanapun, penyertaan dalam sistem IBG masih ketinggalan berbanding dengan sistem cek yang disertai 30 buah bank perdagangan. Dengan jumlah bilangan penyertaan institusi perbankan yang lebih banyak dan dituruti oleh liputan pengguna yang lebih luas, ekonomi ikut

bidangan dapat dicapai jauh lebih awal dan ini dapat mengurangkan kos pengeluaran perkhidmatan pembayaran. Dalam hal ini, Bank Negara Malaysia terus menggalakkan dasar akses terbuka bagi sistem pembayaran untuk memudahkan penyertaan yang lebih menyeluruh oleh institusi perbankan.

PEMINDAHAN KEPADA PEMBAYARAN SECARA ELEKTRONIK

Peningkatan teknologi, automasi dan proses secara terus membolehkan kos pemprosesan urus niaga secara elektronik dikurangkan berbanding dengan pemprosesan berasaskan kertas. Pembayaran secara elektronik dengan komponen kos boleh ubah yang lebih rendah berbanding dengan pembayaran berasaskan kertas akan mengalami penurunan kos seunit dengan meningkatnya bilangan urus niaga. Untuk menggalakkan perpindahan kepada pembayaran secara elektronik di seluruh negara, Bank Negara Malaysia terus memainkan peranannya sebagai pemangkin dalam menangani isu industri dan memudahkan forum industri. Ini termasuk mengenal pasti dan memahami pelbagai rintangan dan cabaran yang bakal dihadapi dalam melaksanakan pembayaran secara elektronik. Input sedemikian berguna bagi penggubalan dasar dan inisiatif Bank Negara Malaysia untuk menggalakkan penggunaan pembayaran secara elektronik yang lebih meluas.

Pembayaran secara elektronik dengan komponen kos boleh ubah yang lebih rendah berbanding dengan pembayaran berasaskan kertas akan mengalami penurunan kos seunit dengan meningkatnya bilangan urus niaga.

Pelaksanaan Pembayaran Secara Elektronik oleh Kerajaan

Pelaksanaan pembayaran secara elektronik oleh Kerajaan akan mempercepatkan penggunaan pembayaran secara elektronik di negara ini. Sejak beberapa tahun yang lepas, sektor Kerajaan telah memperkenalkan pelbagai saluran penyampaian secara elektronik untuk membantu memudahkan akses bagi orang awam berurus niaga dengan Kerajaan. Selain itu, usaha sedang dijalankan untuk membolehkan kad pembayaran diterima di kebanyakan kaunter pembayaran Kerajaan bagi membantu memudahkan pengguna di samping meningkatkan kecekapan pembayaran. Langkah-langkah ini akan merintis jalan ke arah pelaksanaan pembayaran secara elektronik di seluruh negara, memandangkan kebanyakan individu dan perusahaan perniagaan menjalankan urus niaga pembayaran dengan Kerajaan. Dalam hal ini, Kerajaan telah mengumumkan penerimaan kad pembayaran dalam Bajet Tahun 2006 dan Bank Negara Malaysia telah meminta industri kad kredit untuk mengkaji semula pengaturan pertukaran atau *interchange arrangement* yang sedia ada bagi memudahkan penerimaan kad kredit dalam sektor Kerajaan.

Bursa Pemprosesan Kewangan (*Financial Process Exchange* atau FPX)

Jawatankuasa Pemandu FPX telah melaksanakan pendekatan yang menyeluruh dan pragmatik dalam strategi jangka panjang bagi FPX. Pengendali sistem, MEPS, telah menganjurkan beberapa seminar bagi peniaga untuk meningkatkan kesedaran tentang FPX dan fungsinya. Usaha juga dibuat oleh MEPS dan industri perbankan untuk memahami dan memenuhi keperluan peniaga, selain menyemak penetapan harga perkhidmatan FPX untuk meningkatkan pelaksanaan FPX. Inisiatif sedang diambil untuk membangunkan penyelesaian perisian yang berkaitan yang akan memudahkan penyepaduan industri kecil dan sederhana dengan penyelesaian pembayaran FPX pada kos yang lebih rendah.

Mengenal Pasti dan Memahami Pengeluar Cek Bernilai Tinggi

Pada bulan September 2005, Bank Negara Malaysia menjalankan kajian untuk mengumpul profil pengguna cek di Malaysia, termasuk mengenal pasti sebab-sebab cek bernilai tinggi dikeluarkan. Perbincangan dengan beberapa pengeluar cek bernilai tinggi menunjukkan sebab utama cek bernilai tinggi dikeluarkan ialah kerana penerimaannya yang meluas, mudah merupakan dan instrumen pembayaran yang secara relatifnya lebih murah. Selain itu, kekurangan dalam sistem pembayaran elektronik yang sedia ada telah menghalang pelaksanaan perkhidmatan pembayaran secara elektronik, seperti ketiadaan rujukan dan pemberitahuan pembayaran, kekurangan prosedur pengesahan akaun, caj yang lebih tinggi dikenakan bagi urus niaga pembayaran secara elektronik, had bayaran yang dikenakan terhadap pembayaran elektronik melalui ATM dan juga kemudahan perbankan Internet, penglibatan institusi perbankan yang terhad dalam sistem pembayaran secara elektronik berbanding dengan sistem cek dan infrastruktur yang terhad bagi memudahkan akses kepada perkhidmatan pembayaran secara elektronik.

Sementara pembayaran secara elektronik telah disediakan dalam pasaran, langkah-langkah inisiatif tambahan perlu diambil untuk menangani isu-isu ini supaya pembayaran elektronik dapat digunakan dengan lebih meluas.

Pembangunan Kad Debit Tempatan (e-Debit)
Dengan pelaksanaan infrastruktur cip pada kad ATM, pelbagai aplikasi boleh dimuatkan pada kad yang sama. Aplikasi debit tempatan dan dompet elektronik MEPS Cash telah dimasukkan ke dalam kad ATM atau Bankcard yang berasaskan cip, yang membolehkan pemegang kad membeli barangan dan perkhidmatan di kedai peniaga. Aplikasi debit atau e-Debit membolehkan pemegang kad mengenakan caj pembelian mereka terus ke akaun simpanan atau akaun semasa manakala dompet elektronik memudahkan pembayaran secara mikro dengan menolak baki wang elektronik yang telah diisi ke dalam kad. Usaha sedang diambil oleh industri untuk menggalakkan penggunaan e-Debit. Pada akhir bulan Disember 2005, kira-kira 25,600 alat penerima kad telah disediakan oleh bank pemeroleh untuk menerima urus niaga e-Debit antara bank. Lebih banyak alat penerima kad e-Debit dijangka akan dipasang dengan pertambahan bilangan bank pemeroleh pada tahun 2006. Di samping itu, dalam menggalakkan penggunaan aplikasi e-Debit pada Bankcard, sebuah institusi kewangan telah menawarkan kemudahan 'pengeluaran wang tunai' atau *cash back* di kedai-kedai peniaganya. Kemudahan ini membolehkan pemegang kad mengeluarkan wang tunai di kedai peniaga ketika membuat bayaran bagi pembelian dengan menggunakan aplikasi e-Debit.

Majlis Penasihat Pembayaran Kebangsaan (NPAC)
Pada bulan Disember 2005, Bank Negara Malaysia telah mengadakan mesyuarat tahunan NPAC. Mesyuarat yang dipengerusikan Gabenor itu telah dihadiri oleh wakil-wakil dari persatuan-persatuan institusi kewangan, persatuan-persatuan industri, agensi Kerajaan yang berkaitan, rumah penjelasan automasi tempatan dan wakil dari dua buah bank pusat asing. Forum tahunan tersebut menyediakan platform untuk membangkitkan dan membincangkan isu-isu yang berkaitan sistem pembayaran. Mesyuarat itu memberikan Bank Negara Malaysia input yang berguna untuk dipertimbangkan bagi tujuan penggubalan dasar dan usaha pembangunan, termasuk inisiatif untuk membangunkan mekanisme PvP bagi mengurangkan risiko penjelasan urus niaga pertukaran asing dan kajian semula ke atas rangka kerja pengawalan perniagaan pengiriman wang.

Sejajar dengan penggalakan perpindahan kepada pembayaran secara elektronik, mesyuarat NPAC turut membincangkan isu-isu yang berkaitan dengan peranan Bank Negara Malaysia dalam pembangunan sistem pembayaran, langkah-langkah untuk mengurangkan pengeluaran cek bernilai tinggi dan strategi untuk menggalakkan penggunaan kad debit tempatan secara meluas di negara ini. NPAC bersetuju bahawa peranan Bank Negara Malaysia sebagai penyelia dan pengendali sistem pembayaran perlu dipisahkan dengan jelas di dalam Bank dan peranannya sebagai pengendali dalam menjelaskan dan menyelesaikan cek masih diperlukan pada masa peringkat pembangunan sektor kewangan ketika ini. Untuk mengurangkan bilangan pengeluaran cek yang bernilai tinggi, telah dipersetujui bahawa bilangan pengeluar cek bernilai tinggi yang banyak hendaklah dikenal pasti dan usaha perlu diambil untuk menggalakkan mereka supaya menggunakan pembayaran secara elektronik. Skim kad debit tempatan mempunyai potensi yang besar untuk digunakan dengan lebih meluas. Usaha yang lebih bersepadu sedang diambil oleh MEPS dan ahlinya untuk menambah pemasangan alat penerima kad dan menggalakkan penggunaannya di kalangan para pemegang kad debit tempatan.

Forum dan Pameran Sistem Pembayaran
Bank Negara Malaysia menganjurkan Forum dan Pameran Sistem Pembayaran yang pertama di negara ini pada bulan November 2005. Forum ini menyediakan platform untuk pihak berkepentingan yang berkaitan, termasuk wakil daripada institusi kewangan, penyedia perkhidmatan pembayaran, agensi Kerajaan, perbadanan dan persatuan industri untuk membincangkan isu dan cabaran yang dihadapi negara dalam proses perpindahan kepada pembayaran elektronik. Sehubungan dengan itu, pameran juga telah diadakan untuk meningkatkan kesedaran awam tentang pelbagai saluran pembayaran yang ada dan mempamerkan produk pembayaran dan inovasi.

Acara yang diadakan buat julung kalinya mempertemukan kira-kira 290 peserta, yang terdiri daripada pengguna dan peserta utama dalam sektor awam dan swasta. 25 penceramah dan pakar sistem pembayaran dari pelbagai negara berkongsi pengalaman, perspektif serta isu yang dihadapi mereka dalam perpindahan kepada pembayaran secara elektronik. Perpindahan kepada pembayaran secara elektronik yang cekap dari segi kos dianggap sebagai agenda negara, dengan tahun 2010 dicadangkan sebagai tarikh sasaran bagi pelaksanaan sepenuhnya rancangan pembayaran elektronik kebangsaan. Ini memerlukan usaha sama yang intensif oleh pelbagai pihak berkepentingan dalam menangani pelbagai isu seperti menggalakkan kesedaran dan keyakinan orang ramai terhadap pembayaran secara elektronik,

mengenal pasti dan mengatasi halangan semasa dalam penggunaan pembayaran elektronik, meningkatkan perkhidmatan pembayaran secara elektronik, mewujudkan piawaian pembayaran dan menyediakan insentif kepada pengguna untuk menerima pakai kaedah pembayaran yang lebih cekap dari segi kos.

MELANGKAH MAJU

Dalam membentuk landskap pembayaran, Bank Negara Malaysia akan terus memainkan peranannya sebagai peneraju negara ke arah pelaksanaan sistem dan instrumen pembayaran yang lebih cekap dari segi kos. Dalam usaha untuk terus menyediakan persekitaran yang menggalakkan pelaksanaan pembayaran secara elektronik, inisiatif dan dasar Bank Negara Malaysia bagi tahun 2006 akan tertumpu pada peningkatan perkhidmatan pembayaran secara elektronik semasa, penggalakan persaingan, ketelusan dan penglibatan yang lebih besar dalam perkhidmatan pembayaran secara elektronik dan terus berwaspada terhadap perkembangan penipuan pembayaran yang baru.

Berikutan kemunculan persekitaran yang lebih liberal bagi pengiriman wang dan wang elektronik, rangka kerja pengawalseliaan yang komprehensif bagi perkhidmatan pengiriman wang dan pengeluaran wang secara elektronik oleh institusi swasta selain bank akan diperkenalkan untuk menentukan piawaian berhemat dan tadbir urus bagi perkhidmatan ini. Di samping itu, langkah-langkah akan diperkenalkan untuk meningkatkan kesedaran tentang produk dan perkhidmatan pengiriman wang yang sedia ada untuk mencapai matlamat menambah penggunaan dan akses kepada saluran pengiriman wang rasmi bagi membanteras sebarang kemungkinan pengubahan wang haram dan aktiviti haram yang lain. Selain itu, Bank Negara Malaysia akan bekerjasama dengan Bank-bank Pusat serantau untuk mengharmonikan peraturan pembayaran antara negara supaya pembayaran merentas sempadan dapat dijalankan dengan lebih cekap.

Untuk meningkatkan lagi perkhidmatan pembayaran secara elektronik, Bank Negara Malaysia juga akan mengkaji semula peraturan pembayaran dan tadbir urus sistem pembayaran secara elektronik utama bagi memastikan tahap perkhidmatan minimum dilaksanakan dengan seragam. Perkhidmatan pembayaran seperti rujukan pembayaran yang disediakan untuk mengiringi bayaran hendaklah diberikan oleh semua institusi perbankan bagi menyediakan perkhidmatan yang seragam dan boleh dipercayai oleh pengguna. Bank juga akan menggalakkan ketelusan pada peringkat perkhidmatan sistem pembayaran yang berlainan dan penetapan harga perkhidmatan. Dengan tahap ketelusan yang tinggi, pengguna dan peniaga akan menjadi peka terhadap kos instrumen pembayaran berlainan dan tahap perkhidmatan bagi membantu menggalakkan persaingan yang lebih tinggi bagi menghasilkan perkhidmatan pembayaran yang lebih cekap dan berkesan dari segi kos.

Bank Negara Malaysia juga akan meneruskan usaha untuk menggalakkan penyertaan sepenuhnya institusi perbankan dalam sistem pembayaran secara elektronik seperti tahap penyertaan mereka yang sama dalam sistem penjelasan cek. Untuk menggalakkan penggunaan pembayaran secara elektronik di seluruh industri, perkhidmatan pembayaran perlu mempunyai capaian yang luas dari segi penyertaan institusi perbankan dan rangkaian akses yang meluas supaya pengguna dapat menjalankan urus niaga pembayaran dengan mudah. Sejajar dengan usaha pembangunan yang diambil bagi penambahbaikan infrastruktur pembayaran elektronik, usaha bersepadu juga akan diambil untuk mengurangkan penggunaan cek. Bank Negara Malaysia akan bekerjasama dengan industri sasaran untuk memudahkan perpindahan mereka kepada pembayaran secara elektronik.

Selain itu, keselamatan perkhidmatan perbankan dan pembayaran yang ditawarkan melalui Internet dan saluran mudah alih akan diperkukuh bagi memastikan pengaturan keselamatan yang betul dan inisiatif pendidikan pengguna dilaksanakan bagi menjamin keselamatan perkhidmatan ini. Dalam usaha untuk terus meningkatkan keyakinan pengguna terhadap penggunaan pembayaran secara elektronik, Bank Negara Malaysia akan memantau persekitaran keselamatan pelbagai saluran pembayaran dan mengeluarkan atau menambah baik garis panduan tentang pengurusan penipuan apabila timbul keperluan untuk membendung sebarang cara penipuan pembayaran daripada berkembang.

Penetapan Harga Secara Langsung bagi Perkhidmatan Pembayaran

Kajian antarabangsa yang dijalankan mendapati bahawa instrumen berasaskan kertas mempunyai kos operasi yang lebih tinggi berbanding dengan pembayaran secara elektronik. Kad debit khususnya, mempunyai kos yang lebih rendah berbanding dengan pembayaran menggunakan kad kredit dan pengeluaran wang tunai. Kajian juga mendapati bahawa pengedaran wang tunai kepada orang ramai dibiayai terutamanya melalui subsidi

silang yang besar daripada hasil yang diperoleh daripada perkhidmatan pembayaran secara elektronik.

Pendorong utama bagi pengguna di beberapa negara yang berjaya berpindah kepada pembayaran secara elektronik adalah melalui pelaksanaan penetapan harga berasaskan kos yang telus bagi urus niaga pembayaran. Harga memberikan isyarat yang membantu pengguna memilih perkhidmatan pembayaran yang lebih cekap dari segi kos. Pendapatan daripada perkhidmatan pembayaran yang diperoleh institusi perbankan di negara-negara berkenaan kebanyakannya daripada fi yang dikenakan dan bukannya daripada subsidi silang bagi perkhidmatan pembayaran. Dengan melaksanakan strategi penetapan harga berasaskan kos, institusi perbankan di negara-negara itu dapat mengurangkan jumlah kos pengeluaran bagi perkhidmatan pembayaran dan seterusnya dapat meningkatkan keuntungan keseluruhan masing-masing dengan menyalurkan permintaan ke arah perkhidmatan pembayaran yang lebih murah. Automasi sistem pembayaran yang berterusan telah mengurangkan urus niaga melalui kaunter bank, dengan itu membolehkan institusi perbankan meningkatkan tumpuannya pada perkhidmatan yang bernilai tinggi dan mengukuhkan khidmat pelanggan.

Secara amnya, harga urus niaga pembayaran di Malaysia tidak mencerminkan kos pengeluaran perkhidmatan pembayaran itu. Oleh itu, ia tidak memberi isyarat harga yang tepat kepada pengguna untuk menggunakan perkhidmatan pembayaran yang lebih cekap dari segi kos. Pembayaran melalui cek misalnya, tidak cekap kerana ia melibatkan komponen kos boleh ubah yang besar disebabkan kos tenaga buruh bagi pengendalian cek secara fizikal, pengangkutan, kos kertas dan percetakan cek. Selain menjimatkan kos, pembayaran secara elektronik juga memberi manfaat kepada pengguna dan peniaga dengan tempoh kredit yang lebih singkat dan kepastian pembayaran berbanding dengan pembayaran cek. Peniaga yang menerima bayaran secara elektronik akan dapat meningkatkan kecekapan operasinya dengan mengurangkan pembayaran pelanggan kepada juruwang dan pemegangan wang tunai. Ini akan mengurangkan risiko rompakan dan kerugian akibat kecurian. Untuk maju ke arah penetapan harga secara langsung bagi urus niaga pembayaran, pengguna hendaklah terlebih dahulu disediakan dengan kaedah pembayaran elektronik alternatif yang mampu digunakan oleh mereka yang setanding dari segi keselesaan dan penglibatan peserta, dengan sistem cek. Ini akan menggalakkan pengguna menggunakan kaedah pembayaran secara elektronik yang secara relatifnya lebih rendah apabila harga cek ditetapkan lebih tinggi bagi mencerminkan kos pemprosesannya yang sebenar.

PRESTASI SISTEM PEMBAYARAN

Tinjauan Keseluruhan

Walaupun dengan pembinaan dan penambahbaikan infrastruktur pembayaran pada tahun-tahun kebelakangan ini, Malaysia masih kekal sebagai pengguna wang tunai dan cek yang tinggi dengan mata wang dalam edaran atau *cash-in-circulation* (CIC) mencakupi 6.1% daripada KDNK, manakala cek mencakupi 95.1% daripada nilai bayaran bukan tunai pada tahun 2005.

Dari segi mod pembayaran secara elektronik utama, penggunaan IBG dan kad kredit telah meningkat. Bahagian dalam jumlah nilai bayaran bukan tunai sepanjang tiga tahun yang lepas masing-masing meningkat pada kadar purata 69.16% dan 11.58% bagi IBG dan kad kredit. Jika digabungkan, kedua-duanya mencakupi 4.7% daripada jumlah bayaran bukan tunai pada tahun 2005. Dari segi kad pembayaran lain, penggunaan kad caj semakin menurun dengan bahagian bayaran bukan tunainya menyusut daripada 1.85% pada tahun 2002 kepada 0.81% pada tahun 2005, manakala kad debit belum

Jadual 10.1
Pembayaran Runcit Bukan Tunai Di Malaysia
Nilai (%)

	2002	2003	2004	2005
Cek	97.38	96.97	96.32	95.06
GIRO antara bank (pemindahan kredit)	0.38	0.57	1.00	1.84
Kad kredit	2.06	2.26	2.48	2.86
Kad caj	0.15	0.15	0.14	0.15
Kad debit	0.01	0.01	0.01	0.02
Dompet elektronik - Pembayaran tol	0.02	0.04	0.05	0.07
Dompet elektronik - Runcit	0.00*	0.00*	0.00*	0.00*

Nota: * terlalu kecil

Jadual 10.2
Pembayaran Runcit Bukan Tunai Di Malaysia
Bilangan (%)

	2002	2003	2004	2005
Cek	47.74	35.89	30.53	26.05
GIRO antara bank (pemindahan kredit)	0.15	0.24	0.57	1.35
Kad kredit	31.44	26.90	25.09	24.04
Kad caj	1.85	1.37	1.00	0.81
Kad debit	0.25	0.22	0.21	0.25
Dompet elektronik - Pembayaran tol	18.57	35.38	42.59	47.50
Dompet elektronik - Runcit	0.00*	0.00*	0.01	0.00*

Nota: * terlalu kecil

Jadual 10.3
Penandaarasan dengan Negara-negara Lain

Negara (bilangan penduduk)	2004				**2005 Malaysia (26.38 juta)**
	Belanda (16.3 juta)	Norway (4.6 juta)	Sweden (9.0 juta)	Purata	
Nisbah mata wang dalam edaran kepada KDNK	2.1[1]	2.7	4.7	3.2	**6.1**
Bilangan urus niaga cek bagi setiap penduduk	0.0	0.3	0.2[2]	0.2	**7.6**
Bilangan urus niaga Giro (pemindahan kredit) bagi setiap penduduk	77.5	95.5	51.4	74.8	**0.4**
Bilangan alat penerima kad bagi setiap ribu penduduk	12	21	14	16	**3**
Bilangan mesin ATM bagi setiap juta penduduk	484	473	315	424	**223**

Nota: [1] Angka pada tahun 2001
[2] Angka pada tahun 2002
Sumber: CPSS-Red Book Statistical Update December 2005, Norges Bank Annual Report on Payment Systems 2004 dan Bank Negara Malaysia

menunjukkan sebarang kesan yang ketara dengan bahagian nilai dan jumlah bayaran bukan tunainya masing-masing mencakupi 0.02% dan 0.25%. Dompet elektronik kekal sebagai instrumen pembayaran mikro yang popular dalam sektor pengangkutan dengan jumlah bayaran bukan tunainya meningkat daripada 18.57% pada tahun 2002 kepada 47.5% pada tahun 2005. Oleh sebab dompet elektronik digunakan terutamanya bagi bayaran bernilai kecil, ia mencakupi hanya 0.07% daripada nilai bayaran bukan tunai pada tahun 2005.

Dari segi nisbah CIC kepada KDNK, iaitu proksi untuk menganggar penggunaan wang tunai, nisbah 6.1% bagi Malaysia adalah lebih tinggi daripada nisbah purata 3.2% bagi Belanda, Norway dan Sweden pada tahun 2004 yang mewakili negara-negara pengguna pembayaran secara elektronik yang tinggi. Bilangan purata urus niaga giro dan cek bagi setiap penduduk pada tahun 2004 di tiga negara Eropah tersebut masing-masing pada 74.8 dan 0.2, manakala pada tahun 2005, Malaysia mencatat nisbah songsang, masing-masing pada 0.4 dan 7.6.

Walaupun Malaysia telah memperkenalkan sistem pembayaran secara elektronik berperingkat bagi memudahkan perpindahan kepada pembayaran secara elektronik, langkah-langkah selanjutnya perlu dilaksanakan untuk meningkatkan akses kepada perkhidmatan pembayaran ini, seperti memasang alat penerima kad dengan lebih meluas bagi kad pembayaran dan membolehkan ATM digunakan bagi perkhidmatan pemindahan dana antara bank. Bilangan purata alat penerima kad bagi setiap seribu penduduk yang dicatat di negara-negara Eropah tersebut pada tahun 2004 ialah 16, berbanding hanya 3 di Malaysia pada tahun 2005. Dari segi bilangan ATM, purata ATM di negara-negara Eropah tersebut bagi setiap sejuta penduduk ialah 424 pada tahun 2004, berbanding dengan 223 ATM di Malaysia pada tahun 2005.

Sistem dan Instrumen Pembayaran, dan Saluran Penghantaran

RENTAS

Nilai dan jumlah urus niaga RENTAS terus meningkat sepanjang lima tahun yang lepas. Pada tahun 2005, sistem RENTAS menyelesaikan 2.05 juta urus niaga yang berjumlah RM19.3 trilion, menunjukkan peningkatan dari segi jumlah dan nilai urus niaga masing-masing 6.8% dan 8.1%. Sistem Pemindahan Dana Antara Bank (IFTS) dari segi jumlah dan nilai mencatat peningkatan masing-masing sebanyak 5.4% dan 6.4%, manakala bagi urus niaga melalui Sistem Perdagangan Sekuriti Tanpa Skrip (SSTS), masing-masing meningkat 27.6% dan 29.5%.

Sejajar dengan dasar akses Bank Negara Malaysia yang dipinda, peserta utama dalam pasaran kewangan yang telah menyertai RENTAS pada tahun 2005 ialah Bank Simpanan Nasional, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Sehingga Disember 2005, RENTAS dianggotai 56 ahli yang terdiri daripada Bank Negara Malaysia, 23 bank perdagangan, enam bank Islam, sepuluh bank saudagar, tujuh syarikat diskaun, dua institusi kewangan pembangunan, dua syarikat kewangan, tiga broker universal, Cagamas Berhad dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

Graf 10.1
RENTAS - Urus Niaga IFTS



Graf 10.2
RENTAS - Urus Niaga SSTS



Graf 10.3
Bilangan dan Nilai Transaksi Cek



Sistem Penjelasan Imej Cek Kebangsaan (SPICK)

Cek kekal sebagai instrumen pembayaran bukan tunai yang paling luas digunakan, mencakupi 95.1% daripada nilai bayaran bukan tunai pada tahun 2005 dan mencatat peningkatan dari segi jumlah dan nilai sejak 2002. Jumlah cek yang diproses melalui pusat-pusat penjelasan cek SPICK meningkat sedikit, iaitu sebanyak 0.4% daripada 183.8 juta cek bernilai RM1.227 trilion pada tahun 2004 kepada 184.4 juta cek bernilai RM1.235 trilion pada tahun 2005. Ini mencerminkan betapa meluasnya penggunaan cek dalam ekonomi Malaysia.

Sistem GIRO Antara Bank (IBG)

Sejak pelaksanaannya, IBG terus mencatat peningkatan urus niaga daripada 124,000 urus niaga bernilai RM1.08 bilion pada tahun 2001 kepada 10.4 juta urus

Graf 10.4
Bilangan dan Nilai Urus Niaga IBG



niaga bernilai RM26.3 bilion pada tahun 2005. Penyumbang utama kepada peningkatan urus niaga IBG ialah pengambilan pengguna korporat oleh institusi perbankan dan peningkatan pembayaran Kerajaan melalui saluran elektronik. Walau bagaimanapun, urus niaga IBG yang mencakupi 1.9% daripada nilai bayaran cek pada tahun 2005, perlu meningkat dengan lebih ketara untuk menjadi sistem pembayaran runcit utama.

Bursa Pemprosesan Kewangan (FPX)

Sejak pelancaran rintis FPX pada bulan Oktober 2004, lebih banyak institusi perbankan dan peniaga telah menyertai sistem ini, menjadikan jumlah peserta masing-masing kepada 6 dan 16. Dua lagi institusi perbankan dan beberapa peniaga kini di peringkat terakhir persediaan untuk menyertai FPX dan bercadang untuk turut serta menjelang suku pertama tahun 2006. Pada akhir tahun 2005, FPX mencatat sejumlah 686 urus niaga yang bernilai RM16.8 juta sejak diperkenalkan pada tahun 2004. Urus niaga pembayaran yang dibuat melalui FPX terutamanya adalah untuk perniagaan, yang diistilahkan sebagai urus niaga B2B, dan daripada pengguna kepada perniagaan atau urus niaga C2B bagi pembelian dalam talian. Pengenalan FPX membawa keselesaan dan kecekapan yang lebih baik kerana ia membolehkan pengguna individu dan korporat untuk membuat bayaran secara elektronik daripada institusi perbankan pilihan mereka sendiri. Untuk mengoptimumkan potensi sistem ini, penyertaan yang lebih luas diperlukan bagi menambah komuniti peserta dalam talian.

Kad pembayaran

Kad kredit masih menjadi kad pembayaran yang paling popular di Malaysia dengan nilai urus niaga RM40.9 bilion pada tahun 2005 dan pertumbuhan tahunan purata bagi jumlah dan nilai urus niaga masing-masing sebanyak 13.3% dan 17.4% setahun sepanjang tiga tahun yang lepas. Di samping menawarkan putaran kredit kepada pemegang kad, secara purata, lebih kurang 60% daripada jumlah nilai urus niaga kad kredit dibayar sepenuhnya. Ini menggambarkan bahawa majoriti pemegang kad kredit menggunakan kad tersebut sebagai instrumen yang mudah untuk membuat pembayaran. Dengan kad kredit menjadi semakin popular, bilangan kad caj di pasaran menurun pada kadar purata 10.9% dan jumlah urus niaganya menurun pada kadar 5.8% sepanjang tempoh yang sama. Kad debit mempunyai pangkalan yang besar bernilai 14.3 juta, yang terutamanya terdiri daripada aplikasi e-Debit yang telah dimasukkan ke dalam 12 juta kad ATM cip dan 2.3 juta kad debit berjenama antarabangsa. Walaupun urus niaga kad debit masing-masing meningkat pada kadar tahunan 24.6% dan 49.8% setahun dari segi jumlah dan nilai, ia masih tidak setanding dengan kad kredit. Dua skim dompet elektronik utama ialah skim MEPS Cash, iaitu dompet elektronik yang digunakan dalam sektor runcit dan skim Touch 'n Go, iaitu dompet elektronik tanpa sentuh yang digunakan dalam sektor pengangkutan. Seperti yang dialami oleh kebanyakan negara, penggunaan dompet elektronik dalam sektor runcit adalah rendah, manakala ia mewakili instrumen pembayaran yang popular dalam sektor pengangkutan.

Perkhidmatan Perbankan dan Pembayaran Mudah Alih

Penggunaan telefon bimbit yang lebih meluas telah menggalakkan penerimaan dan pertumbuhan perkhidmatan perbankan dan pembayaran mudah alih di negara ini. Kini, lima institusi perbankan menawarkan perkhidmatan perbankan menggunakan Perkhidmatan Mesej Singkat (SMS) melalui telefon bimbit dan barisan perkhidmatannya merangkumi pemindahan dana akaun sendiri, pembayaran bil dan pinjaman, penambahan nilai masa bercakap prabayar telefon bimbit dan pertanyaan baki. Untuk memudahkan pembayaran mudah alih, institusi-institusi perbankan bekerjasama

Jadual 10.4
Urus Niaga Kad Pembayaran

	2003			2004			2005		
	Bilangan kad	Nilai (RM juta)	Jumlah (juta)	Bilangan kad	Nilai (RM juta)	Jumlah (juta)	Bilangan kad	Nilai (RM juta)	Jumlah (juta)
Kad kredit	5.10	29,359.9	146.3	6.58	34,874.3	164.5	7.84	40,892.5	184.5
Kad caj	0.31	1,895.7	7.5	0.28	2,037.6	6.6	0.24	2,074.8	6.2
Kad debit	3.15	87.4	1.2	7.71	143.1	1.4	14.32[1]	240.1	1.9
Dompet elektronik - pembayaran tol	2.98	566.3	192.4	4.23	733.7	279.3	5.66	972.1	364.5
Dompet elektronik - runcit	10.47	0.1	0.02	21.13	0.3	0.09	30.27	0.10	0.02

[1] Angka merangkumi Bank Simpanan Nasional

dengan penyedia perkhidmatan pihak ketiga untuk membenarkan pelanggan membeli barangan dan perkhidmatan atau membuat bayaran menggunakan telefon bimbitnya sama ada dengan mengenakan caj berkenaan ke kad kreditnya, atau mendebitkan akaun simpanan atau akaun semasanya. Sejumlah 391,773 urus niaga dijalankan pada tahun 2005 dengan nilai agregat RM4.4 juta, kebanyakannya bagi urus niaga pembayaran bil dan pemindahan dana akaun sendiri. Bilangan pelanggan perbankan mudah alih bertambah lebih empat kali ganda kepada 127,566 pada akhir tahun 2005 berbanding dengan 25,734 pada akhir tahun 2004. Ini adalah disebabkan tawaran perbankan atau pembayaran mudah alih yang baru pada tahun 2005, selain bilangan pengguna telefon bimbit yang besar iaitu 19.5 juta pada akhir tahun 2005.

Perbankan Internet

Perkhidmatan perbankan Internet yang disediakan oleh 14 institusi perbankan terus memberikan keselesaan dan kos akses yang rendah kepada perkhidmatan perbankan, terutamanya untuk membuat pemindahan dana, pembayaran bil dan pinjaman, penambahan nilai masa bercakap prabayar telefon bimbit, dan pertanyaan baki akaun dan pertanyaan lain. Perkhidmatan baru yang disediakan melalui saluran ini termasuklah perkhidmatan permohonan saham dalam talian bagi tawaran awam awal di Bursa Malaysia. Saluran perbankan Internet kini semakin popular dan para pelanggannya bertambah dua kali ganda dalam masa dua tahun yang lepas, dengan jumlah 2.6 juta pelanggan atau 70.4% daripada pelanggan Internet di negara ini pada bulan Disember 2005. Di samping itu, nilai urus niaga perbankan dalam talian tahunan juga bertambah sebanyak 69.6% daripada RM11 bilion pada tahun 2004 kepada RM18.6 bilion pada tahun 2005. Pertambahan penggunaan bagi saluran ini kebanyakannya adalah hasil daripada peningkatan pemindahan dana akaun sendiri dan pihak ketiga dan pembayaran baki kad kredit.

Perkhidmatan ATM Berkongsi

Pada akhir tahun 2005, terdapat 5,871 ATM di Malaysia, dengan 5,490 daripadanya dimiliki oleh 12 bank tempatan dan tiga institusi kewangan pembangunan yang saling

Graf 10.5
Perbankan Internet: Pertumbuhan dan Penembusan



terhubung melalui suis ATM MEPS. Pada akhir tahun 2005, kira-kira 15.1 juta kad ATM berasaskan cip telah dikeluarkan oleh bank ahli yang turut serta dalam rangkaian perkongsian ATM ini. Rangkaian ini memudahkan penjimatan kos infrastruktur bagi setiap institusi kewangan di samping menyediakan akses yang lebih luas kepada pengguna bagi perkhidmatan ATM melalui jalinan ATM yang lebih banyak. Perkhidmatan ATM menyediakan beberapa fungsi yang lain seperti pertanyaan baki, pemindahan dana antara bank, pembayaran bil, permohonan saham dan penambahan nilai aplikasi dompet elektronik. Walau bagaimanapun, pengeluaran wang kekal sebagai urus niaga yang paling popular dengan jumlah RM156.5 bilion atau 99.8% daripada urus niaga kewangan yang dilaksanakan melalui ATM pada tahun 2005. MEPS dan institusi-institusi kewangan sedang merancang untuk memperkenalkan fungsi pemindahan dana antara bank dan fungsi pembayaran lain seperti penambahan nilai telefon bimbit prabayar dalam masa terdekat ini. Sementara itu, pautan serantau melintasi sempadan antara MEPS dengan Artajasa di Indonesia mencatat jumlah dan nilai urus niaga masing-masing sebanyak 376 dan RM0.13 juta dalam masa enam bulan beroperasi pada tahun 2005.